

KAMUS THOMAS BOWREY DAN SOSIOBUDAYA MELAYU ABAD KE-17

Nor Azizah OTHMAN

Goethe-Universität Frankfurt am Main
Institut für Ostasiatische Philologien
(Südostasienwissenschaften)
Senckenberganlage 31
60325 Frankfurt am Main, Germany
nuralunnur@gmail.com

Manuscript received 27 October 2021

Manuscript accepted 15 June 2022

<https://doi.org/10.33736/ils.3901.2022>

ABSTRAK

Thomas Bowrey merupakan pedagang British yang belayar di Kepulauan Melayu pada abad ke-17 dan telah menghasilkan sebuah kamus Inggeris-Melayu pertama yang diterbitkan pada tahun 1701 di London. Kamus ini disusun sebagai usaha membantu orang-orang Inggeris yang berhasrat ke Kepulauan Melayu selepas Bowrey. Makalah ini bertujuan membincangkan aspek sosiobudaya yang terdapat dalam data kamus Thomas Bowrey (KTB). Perbandingan secara sinkronis dan diakronis menjadi dasar analisis ini. Kaedah tinjauan digunakan untuk menganalisis setiap kata dalam KTB. Penguraian kesemua entri dalam kamus ini terdiri atas perbandingan dengan kamus yang lebih moden dan data korpus lain seperti Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), Kamus Besar Bahasa Indonesia (dalam talian), *A Comprehensive Indonesian-English Dictionary* (Stevens & Schmidgall-Tellings, 2010). Sumber sezaman seperti daftar kata Pigafetta (1525), daftar kata Houtman (1603) dan daftar kata Wiltens dan Danckaerts (1623) digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan penguraian data kamus Bowrey. Aspek sosiobudaya yang dibincangkan dalam makalah ini merangkumi data yang berkaitan dengan istilah kata ganti nama (sapaan) dan istilah kekeluargaan. Makalah ini menyimpulkan data yang dipaparkan Bowrey (1701) menunjukkan istilah bagi kata ganti nama dan istilah kekeluargaan banyak menerima unsur daripada bahasa asing seperti Hindi dan Jawa selain merakamkan beberapa istilah yang tidak dapat dihuraikan secara linguistik.

Kata Kunci: kajian sinkronis; linguistik historis komparatif; kamus Thomas Bowrey; kosa kata sosial dan budaya

ABSTRACT

Thomas Bowrey was an English merchant who sailed in the Malay Archipelago in the 17th century and produced the first English-Malay bilingual dictionary published in London in 1701. His ultimate purpose of compilation was to provide his successor with sufficient information about the Malay language. This paper discusses the socio-cultural aspects found in this dictionary. The discussion will use synchronic and diachronic comparisons. The comparisons involved modern dictionaries, for instance, Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), Kamus Besar Bahasa Indonesia (online), A Comprehensive Indonesian-English Dictionary (Stevens & Schmidgall-Tellings, 2010). Other sources such as the Pigafetta wordlists (1525), the Houtman wordlists (1603) and the Wiltens and Danckaerts dictionary (1623) were used as a tool to refine the analysis of Bowreys' and as representative data from the same century. This paper will focus on the root words, phrases and clauses. The socio-cultural aspects discussed in this paper includes data related to the terms of address and kinship terminology. The data presented by Bowrey (1701) show that the said terms received innumerable influence from foreign languages such as Hindi and Javanese, which is why some words cannot be explained linguistically.

Keywords: synchronic analysis; historical linguistics; Thomas Bowrey dictionary; social and cultural vocabulary.

Pendahuluan

Peranan dan kepentingan kamus tidak hanya sebagai rujukan kepada makna kata bagi sesebuah bahasa tetapi juga sebagai perakam waktu dan sejarah bahasa tersebut. Daftar kata, kamus mahupun terjemahan Injil dengan tulisan rumi yang muncul sebelum karya oleh orang Inggeris adalah disusun dalam bahasa asing lain seperti Cina, Itali dan Belanda. Kemunculan karya bahasa Melayu oleh orang Inggeris pada akhir abad ke-17 dan awal abad ke-18 ini antara lain dipengaruhi kuat oleh persaingan yang wujud antara pihak Inggeris dan Belanda terutama dalam hal berkaitan dengan penaklukan dan pemilikan kawasan jajahan, kelebihan dan keutamaan dalam perdagangan, dan paling penting persaingan untuk meraih sokongan bagi membolehkan mereka menguasai dan merebut monopoli perdagangan rempah dan pelabuhan entrepot (Winterbottom, 2016). Kamus susunan Bowrey (1701) ini misalnya mendukung kedua-dua fungsi asas tersebut. Thomas Bowrey (1659-1713) merupakan pedagang Inggeris yang mempunyai pengalaman selama 19 tahun belayar di sekitar kepulauan Asia Tenggara termasuklah kepulauan di India. Bowrey telah menyusun kamus Inggeris – Melayu, Melayu – Inggeris pertama yang diterbitkan pada 1701 di London. Kamus ini merupakan kamus dwibahasa Inggeris-Melayu-Inggeris pertama seumpamanya.

Penyusunan kamus ini dibuat oleh Bowrey ketika dalam perjalanan pulang ke London bersama kapal *Bengall Merchant I* pada Oktober 1688. Masa terluang yang

dimiliki Bowrey sepanjang menempuh perjalanan yang panjang itu telah memberikan ilham kepada Bowrey untuk menyusun sebuah kamus yang boleh digunakan oleh orang Inggeris yang akan datang selepasnya ke negeri-negeri di Kepulauan Melayu khususnya. Kamus ini memuatkan masukan daripada bahasa Melayu lisan yang dituturkan di sekitar pulau-pulau seperti Sumatera, Borneo, Bantam, Batavia dan beberapa kawasan di Kepulauan Jawa (Bowrey, 1701). Kedudukan dan peranan bahasa Melayu pada ketika itu turut dijelaskan oleh Bowrey (1701) sebagai bahasa perantara utama di pelabuhan-pelabuhan penting sekitar Kepulauan Melayu. Bowrey menyebut:

in all the Iflands ... and the innumerable other Iflands, the Malayo Language is received and generally ufed in all the Trading Ports of thofe Iflands only as the Trading Language ... the Malayo Language fpoken in the Iflands is called Basa Dagang ... the Merchants or Trading Languages. (Bowrey, 1701, Preface section)

Bowrey (1701) menjelaskan peranan bahasa Melayu yang dituturkan di kawasan pesisir pantai sebagai bahasa perdagangan (*trading language*) atau disebut Bowrey (1701) sebagai “basa dagang”. Dengan kata lain, “basa dagang” yang dimaksudkan Bowrey (1701) itu merujuk kepada bahasa Melayu *lingua franca* yang secara meluas digunakan di pelabuhan-pelabuhan perdagangan utama pada abad ke-16 itu. Dalam petikan di atas juga dapat dilihat beberapa kawasan yang pernah dilewatinya sepanjang pelayaran selama 19 tahun tersebut. Selain bahasa Melayu *lingua franca* yang digunakan di pelabuhan, Bowrey (1701) turut merakamkan kata yang digunakan oleh penduduk di kawasan pedalaman yang jauh dari pesisir pantai. Hal ini dapat dilihat pada kata yang dicatat Bowrey (1701) dalam kamus ini. Kamus ini memuatkan kira-kira lebih daripada 12,000 lemmata, dan antara kata yang dirakam Bowrey (1701) termasuklah kata ganti nama (sapaan) dan istilah kekeluargaan. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan kata ganti nama (KGN) yang digunakan sebagai sapaan dan istilah kekeluargaan (IKK) yang dicatatkan Bowrey (1701) dalam kamus ini. Perbincangan mengenai kedua-dua aspek ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran mengenai keadaan sosiobudaya masyarakat pada ketika itu.

Membaca Bowrey: Tentang Sorotan Kajian dan Kaedah Analisis Data KTB

Semasa membaca dan meneliti data yang terkandung dalam Kamus Thomas Bowrey (KTB), pembaca dicadangkan untuk melihat keseluruhan aspek yang terlibat dan yang mempengaruhi penyusunannya seperti latar belakang penyusun, bahasa ibunda penyusun dan, kemungkinan berlakunya kesilapan dan kesalahan ketika proses penyuntingan. Dengan berdasarkan kepada tiga asas ini, maka penelitian terhadap KTB perlu mengambil kira faktor luaran dan dalaman ketika kamus tersebut disusun serta pada ketika bahasa Melayu dipelajari dan dikuasai Bowrey (1701). Kedua-dua aspek ini menjadi tunjang utama dalam pembacaan, analisis dan penilaian terhadap KTB ini bagi membolehkan penilaian yang bersifat lebih adil dapat dihasilkan.

Justeru, perbincangan dalam makalah ini mengambil kira faktor-faktor seperti di atas serta aspek luaran dan dalaman yang terlibat. Tumpuan makalah ini adalah untuk meneliti aspek sosiobudaya dengan menjadikan istilah KGN yang digunakan sebagai sapaan dan IKK dalam KTB sebagai subjek perbincangan utama. Penelitian terhadap kedua aspek ini dilakukan berdasarkan kepada dua tema rujukan, iaitu kajian lepas mengenai Bowrey dan kajian pemerian bahasa Melayu abad ke-16 dan ke-17. Tema kajian yang pernah dilakukan mengenai bahasa Melayu abad ke-16 dirujuk kepada kajian oleh Omar (1991) dan tema yang meneliti kamus Bowrey pula merujuk kepada kajian Aman (1997, 1998), Kader (2009), Mohamad dan Ismail (2017), Hasrah (2010) dan Othman (2019).

Sorotan Kajian

Omar (1991) menyoroti bentuk bahasa Melayu yang digunakan dalam naskah 'Aqid Al-Nasafi. Omar (1991) membincangkan beberapa aspek kebahasaan dalam teks 'Aqid Al-Nasafi yang antaranya menyentuh mengenai bentuk tulisan dan ejaan, aspek morfonemik, aspek morfologi, kata depan, kata penghubung, kata wacana, sistem nahu, ayat dan wacana serta aspek perbendaharaan kata. Dalam kesemua 10 bab yang terdapat dalam buku ini, hanya bab ke-8 yang membincangkan mengenai sistem nahu yang menyentuh mengenai aspek KGN diri. Walau bagaimanapun, dalam analisis beliau, Omar (1991) berpendapat bahawa teks 'Aqid Al-Nasafi yang merupakan teks keagamaan tidak terdapat penggunaan ganti nama diri yang menunjukkan wujudnya peringkat dan perbezaan sosial masyarakat seperti yang kebiasaannya terdapat dalam sesebuah hikayat misalnya kata patik, hamba, beta, tuanku dan sebagainya (Omar, 1991). Dalam bab ini, Omar (1991) menyimpulkan bahawa KGN diri ketiga mengalami evolusi berbanding dengan bahasa Melayu sekarang. KGN diri ketiga dalam teks 'Aqid Al-Nasafi ini, menurut Omar (1991), dapat dibahagikan kepada dua subsistem iaitu pasti dan tak pasti. KGN diri ketiga tak pasti diwakili oleh ia (itu), dia, nya dan mereka itu, dan kata ganti diri ketiga tak pasti pula terdiri daripada barang dan barang siapa. Perubahan KGN diri ketiga pada bahasa Melayu teks abad ke-16 dengan abad ke-20, menurut Omar (1991) lagi, berlaku pada perbezaan fungsi nahuan dan rujukan. Dalam perbincangan itu juga, kata saya yang merupakan KGN diri pertama didapati tidak terdapat dalam teks 'Aqid Al-Nasafi, tidak seperti kebiasaan dalam bahasa hikayat yang dikarang selepas menggunakan saya sebagai mewakili ganti nama yang neutral. Sebaliknya, kata aku lebih bersifat neutral dalam abad ini. Pandangan Omar (1991) ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu yang terdapat dalam teks 'Aqid Al-Nasafi mengandungi tatatingkat penggunaan KGN diri yang merupakan ciri perkembangan kemudian.

Evolusi yang berlaku dalam teks 'Aqid Al-Nasafi menjadi kayu ukur penting kepada bentuk KGN diri dalam bahasa Melayu abad ke-16. Namun begitu, satu perkara yang perlu difahami di sini ialah bahasa Melayu yang digunakan dalam teks 'Aqid Al-Nasafi merupakan bahasa Melayu berkaitan dengan bidang keagamaan. Berbeza dengan bahasa Melayu dalam KTB yang merupakan bahasa lisan yang dituturkan oleh orang-orang pesisir. Walau bagaimanapun, perbincangan yang menjadikan KGN (sapaan)

sebagai dasar kajian dapat memberikan gambaran mengenai tatatingkat sosial yang wujud dan diamalkan ketika itu. Selain itu, penulis berpendapat bagi memastikan tatatingkat ini dapat difahami dengan lebih baik, maka istilah berkaitan dengan sistem kekeluargaan juga perlu teliti supaya penilaian tersebut dapat diimbangi.

Sorotan berikutnya adalah berdasarkan tema penelitian terhadap KTB. Penelitian oleh Kader (2009) memberi fokus kepada tiga aspek utama, iaitu morfologi, sintaksis dan sosiolinguistik. Ketiga-tiga aspek ini dilihat secara menyeluruh. Analisis yang dibentangkan disertakan dengan contoh-contoh yang difikirkan relevan dengan topik yang dibincangkan. Kajian yang dibuat oleh Kader (2009) memberikan tumpuan kepada aspek morfologi dan sintaksis dengan membuat perbandingan menggunakan teori transformasi generatif. Kader (2009) meneliti keseluruhan kandungan dalam KTB. Namun begitu, tumpuan utama beliau didapati lebih terarah kepada kajian morfologi dan sintaksis. Dalam kajian ini, Kader (2009) menganalisis aspek imbuhan /me-/ dan /ber-/ dengan perbandingan terhadap beberapa data daripada kamus seperti kamus Pigafetta (1525), kamus Houtman (1603), kamus Vocabulaer (1599, dalam Collins & Schmidt, 1992), Omar (1991), dan Karim (1986, 1993, 2008). Kader (2009) juga ada menyentuh mengenai beberapa contoh KGN yang lain misalnya *kitta*, *packanera* dan *Joo*.

Penelitian terhadap KTB juga pernah dilakukan oleh Othman (2019), Mohamad dan Ismail (2017), Hasrah (2010) dan Aman (1997, 1998). Othman (2019) misalnya membincangkan mengenai kata yang terdapat dalam entri A KTB. Sebanyak 164 kata dalam entri ini dianalisis. Perbandingan dengan kamus yang lebih moden dan data daripada sumber sezaman dibuat bagi memastikan kesahan data yang dianalisis. Data berkenaan kemudiannya dikelompokkan kepada tiga kategori. Kategori I memuatkan kata yang boleh dijelaskan (*explainable words*) manakala kategori II merupakan kategori bagi kata dengan separa penjelasan (*semi explainable*) dan kategori III merupakan kategori bagi kata yang tidak dapat dijelaskan (*unexplainable words*). Dalam setiap kategori ini antara aspek linguistik yang diteliti ialah morfologi, etimologi, representasi ortografi dan aspek fonologi. Othman (2019) merumuskan maklumat etimologi yang dicatat dalam KTB khususnya bagi kata pinjaman daripada bahasa Arab. Selain itu, pengkaji turut menjelaskan mengenai bentuk ortografi yang digunakan dalam KTB yang menunjukkan banyak pengaruh bahasa asing pada bentuk ejaan kata dalam kamus ini misalnya bagi kata yang mempunyai konsonan {c}, iaitu {-ch} dan {-c-} Konsonan {k} pula dirakamkan dengan tiga bentuk ejaan, iaitu di akhir kata [-k], di tengah kata yang muncul dalam dua bentuk, iaitu {-k-} dan {-ck}. Othman (2019) memberikan pandangan mengenai kata yang tidak dapat dijelaskan, iaitu bagi kata yang dikelompokkan dalam kategori III. Kajian yang dibuat oleh Othman (2019) ini meneliti kedua-dua aspek, iaitu dalaman dan luaran dalam KTB. Walau bagaimanapun, hanya entri A yang diteliti dan kebarangkalian perbezaan hipotesis akan muncul sekiranya kesemua entri dalam kamus ini diteliti.

Kajian yang dibuat oleh Mohamad dan Ismail (2017) juga menjadikan kamus Bowrey (1701) sebagai subjek utama kajian. Dalam makalah tersebut, pengkaji membincangkan mengenai aspek sains dalam tamadun Melayu pada abad ke-17 seperti

yang terakam dalam kamus ini. Antara bidang sains yang diteliti oleh pengkaji dalam artikel tersebut adalah seperti geografi, agama, matematik dan astronomi. Dengan menggunakan kaedah tinjauan sebagai alat untuk menganalisis data, pengkaji menyatakan bahawa Bowrey (1701) memerikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dituturkan merangkumi kawasan dari selatan Johor hingga ke utara Semenanjung. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Othman (2019) apabila aspek luaran atau aspek sosio-budaya pada abad ke-17 itu turut diteliti bagi menyeimbangkan dapatan kajian. Dua aspek utama yang menjadi perkara pokok dalam kajian tersebut, iaitu pemerian dunia Melayu menurut Bowrey (1701) serta kedudukan bahasa Melayu, agama dan keadaan perdagangan di rantau alam Melayu. Kajian ini, menurut Mohamad dan Ismail (2017), mempunyai kaitan yang rapat dengan kajian yang dijalankan oleh penulis apabila menjadikan aspek luaran sebagai salah satu tumpuan penelitian dan tidak hanya menghadkannya kepada aspek dalaman bahasa Melayu yang dicatatkan Bowrey (1701) di dalam kamusnya. Kajian oleh Aman (1997, 1998) membincangkan mengenai aspek kosa kata arkaik, morfologi dan aspek semantik yang terdapat dalam KTB. Aman (1997, 1998) meneliti entri AB-AY, BA-BY dan CA-CY. Aman (1997, 1998) menyenaraikan kata yang dikenal pasti arkaik di dalam KTB. Selain itu, terdapat juga aspek semantik yang mengalami perubahan makna seperti perluasan, penyempitan dan penggantian makna yang dibincangkan. Penelitian oleh Aman (1997, 1998) ini adalah hampir sama dengan penelitian oleh Mohamad dan Ismail (2017). Satu lagi penelitian terhadap KTB dilakukan oleh Hasrah (2010). Beliau membincangkan mengenai sistem bilangan dan penjodoh bilangan yang terdapat dalam kamus ini.

Berdasarkan kepada beberapa kajian yang disebutkan di atas, dapat disimpulkan bahawa penelitian terhadap KTB oleh peneliti sebelum ini tidak menyentuh secara langsung mengenai aspek KGN dan IKK. Sekalipun kajian Kader (2009) ada membincangkan dengan ringkas mengenai KGN, tetapi tumpuan penelitiannya lebih menjurus kepada aspek gramatikal. Oleh sebab kekurangan inilah maka makalah ini berhasrat meneliti aspek KGN dan IKK yang dirakam di dalam KTB.

Kaedah Analisis Data

Kajian ini meneliti kata daripada ranah KGN dan IKK yang tercatat dalam KTB. Bagi tujuan itu, setiap kata, frasa, klausa dan ayat yang dicatat dalam kamusnya diteliti. Kajian ini dibuat menggunakan kaedah kepustakaan. Analisisnya pula berasaskan perbandingan sinkronis dan diakronis yang dicadangkan oleh Saussure (1974). Kaedah kajian kepustakaan merupakan kaedah yang utama dalam makalah ini. Bahan bertulis yang dipilih ditelaah setiap satunya. Kajian kepustakaan juga penting bagi mendapatkan sumber sekunder dan maklumat sampingan yang lain. Hal ini termasuklah KTB sebagai sumber utama dan manuskrip lain karya Bowrey. Hasil daripada kajian kepustakaan telah ditemukan sumber sekunder yang ditulis Bowrey sebelum disusun menjadi kamus, selain buku mengenai pelayarannya mengelilingi kepulauan Bengal. Manuskrip-manuskrip ini ditelaah bagi mencari dan meneliti penjelasan dan huraian yang lebih lanjut mengenai kata yang dipilih oleh Bowrey sebagai masukan kamusnya.

Perbandingan sinkronis yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada data daripada KTB yang dibandingkan dengan data sezaman serta data yang lebih awal seperti yang terdapat dalam daftar kata Pigafetta (1525), daftar kata Houtman (1603) dan daftar kata Wiltens dan Danckaerts (1623). Tujuan perbandingan adalah untuk mengesahkan penggunaan kata tersebut pada abad ke-17 seperti yang dirakamkan Bowrey (1701). Perbandingan diakronis pula meneliti perubahan dan perbezaan yang berlaku pada kata tersebut dalam KTB dengan data penggunaan yang terdapat dalam bahasa Melayu moden (BMM).

Kamus ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu Inggeris-Melayu dan Melayu-Inggeris. Dalam makalah ini, data yang diambil adalah daripada bahagian kedua, iaitu Melayu-Inggeris. Oleh yang demikian, bagi memastikan makna bagi kata yang dibincangkan diterjemahkan dan diteliti dengan adil, maka kamus susunan Stevens dan Schmidgall-Tellings (2010) digunakan bagi menyempurnakan terjemahan dan pemahaman maksud bagi kata bahasa Inggeris. Kaedah tinjauan digunakan bagi menganalisis setiap kata yang terdapat dalam KTB. Analisis tidak hanya terhadap kepada kata dasar tetapi juga merangkumi frasa dan klausa. Selain itu, kajian kepustakaan juga digunakan dalam menyempurnakan analisis ini. Telaah dilakukan pada kedua-dua sumber primer dan data sekunder termasuklah maklumat sekunder. Dalam analisis ini, beberapa KGN dan IKK dipilih untuk dibincangkan. Analisis kajian ini meneliti kesemua kata daripada tiga kelas kata utama dalam bahasa Melayu moden dengan menggunakan data daripada KTB. Bagi kata yang tidak mempunyai kata yang setara dengan BMM, penjelasan kepada kebarangkalian kata tersebut muncul diberikan.

Perbincangan Kata Ganti Nama Sapaan dan Istilah Kekeluargaan

Penggunaan kata ganti nama sapaan dan IKK yang terdapat dalam KTB menarik untuk dibincangkan. Rekod yang dibuat oleh Bowrey (1701) ini secara tidak langsung memberikan gambaran mengenai situasi masyarakat Melayu pada ketika itu serta unsur lain yang mempengaruhi bahasa Melayu pada ketika itu, menurut pengamatan, pengalaman dan ingatan Bowrey (1701). Bowrey (1701) memahami istilah, makna dan penggunaan setiap kata mengikut situasi dan status orang yang terlibat dalam perbualan tersebut. Bowrey (1701) turut menerangkan mengenai istilah yang bersesuaian serta cara menggunakan kata tersebut pada bahagian *Grammar Rules for the Malayo Language* dalam kamusnya. Bowrey (1701) menyebut bahawa KGN diri kedua mempunyai beberapa kata yang mewakilinya berdasarkan kepada status orang yang terlibat misalnya kata "Tuan" untuk ketua atau orang yang lebih berpangkat, kata *Joo* dan *packānēra* untuk hamba atau orang yang lebih rendah pangkat. Dalam perbincangan di bawah ini dipaparkan beberapa contoh KGN yang dicatatkan Bowrey (1701) dalam kamusnya. Perbincangan menyentuh sekitar kata yang dicatatkan dalam KTB dan juga bentuk serta makna kata tersebut. Perbincangan dalam artikel ini juga bertujuan memerikan bentuk KGN dan IKK yang terdapat dalam KTB. Seterusnya, hasil daripada perbincangan mengenai KGN dan IKK ini juga akan melihat suasana sosiobudaya pada abad tersebut.

Āko - Sāya, Joo - Pākānēra: Bahasa Melayu atau Sebaliknya

Kata *Āko* “I” dan *Sāya* “I” dicatatkan dengan konsisten dalam KTB. Sama seperti BMM, kedua kata ini merupakan KGN diri pertama yang dirakam Bowrey (1701) dalam kamusnya. Selain kedua kata tersebut, kata *Ko* juga dicatatkan sebagai KGN diri pertama dengan makna “My, I”. Misalnya pada ayat:

Kamus Thomas Bowrey: *Ko mēlēat ca ālowān goonoong dua.*

BMM: Ku melihat ke aluwan gunung dua

Dalam contoh di atas, kata *Ko* masih mengandung makna dan mempunyai fungsi yang sama dengan BMM. Selain kata *Āko*, *Sāya* dan *Ko* ini, Bowrey turut mencatatkan kata *Kitta* dengan makna “My”. Kata ini juga terdapat dalam BMM meskipun tidak terdapat dalam naskah ‘Aqid Al-Nasafi, seperti yang dinyatakan Omar (1991). Misalnya dalam ayat *Kitta tēda tāoo (I do not know)* dan *Pada Kitta (to Me)*. Kata “*Kitta*” yang digunakan membawa makna “I” sama seperti kata “*Sāya*” seperti dalam ayat “*Sāya minta jēka dāpat jaddee haal ētoo de addāpan ferpada*” (*I pray of ot may be done in the prefence of you Majefty*) dan “*Sāya minta brēcan ētoo padako*” (*I ask to give me that*). Penggunaan kata “*Kitta*” dengan makna “I” atau “*Me*” ini turut dapat dilihat pada surat yang dihantar oleh Sultan Abu Hayat kepada King of Portugal pada tahun 1521 dan juga surat yang dihantar oleh Faquhar kepada Raja Bendahara Pahang, Tun Ali pada tahun 1819 (Raja Ariffin, 2001). Selain itu, turut menyenaraikan kata penentu *Ētoo* (itu) sebagai KGN. Kata *Ētoo* didefinisikan Bowrey sebagai “*I, myself*”. KGN pertama lain yang dicatatkan Bowrey (1701) dalam kamusnya adalah sama dengan KGN diri pertama dalam BMM seperti *amba* (hamba) dan *kitta* (kita).

Walaupun KGN kedua *Cāmo* “*Ye*” atau *moo* “*you*” yang lebih kerap digunakan dalam KTB, kata *Joo* dengan makna “*You, Thou*” dan *Pākānēra* “*You, Thou*” juga menarik perhatian. Kader (2009) mengemukakan empat pendapat berkaitan dengan kata *Joo* yang dirakam oleh Bowrey (1701) di dalam KTB. Menurutnya kata ini tidak mempunyai kata setara dalam BMM sama ada dalam bentuk tulisan mahupun bentuk lisan dan berkemungkinan Bowrey (1701) telah salah faham dan mencampuradukkannya dengan kata “*you*” dalam bahasa Inggeris ketika Bowrey berkomunikasi di pelabuhan dan ini menyebabkan Bowrey menyangka bahawa ka *Joo* itu adalah kata daripada bahasa Melayu. Menurut Kader (2009) lagi, *Joo* dirakamkan Bowrey (1701) dengan makna “*You*” berkemungkinan kata ini digunakan di pelabuhan-pelabuhan sekitar Timur dan Barat Nusantara seperti di Ternate, Ambon, Maluku, Banda dan sebagainya atau berkemungkinan juga ketika dia berurusan di pelabuhan-pelabuhan lain, dia menemukan kata ini digunakan sebagai merujuk kepada orang kedua (Kader, 2009, p. 91). Antara contoh penggunaan kata *Joo* ini adalah seperti berikut:

Kamus Thomas Bowrey: *Joo pēgee pada pānas māta arree sāya pada tēdoh*

BMM: Joo pergi pada panas matahari saya pada tedoh

Penulis bagaimanapun mempunyai pandangan berbeza berkenaan penggunaan kata *Joo* dalam KTB. Kata ini, menurut penulis, merupakan KGN kedua dengan makna “*You*”, sama seperti yang dikemukakan Bowrey (1701) berdasarkan kepada penggunaan oleh penutur bahasa Melayu di Sabah terutama di kawasan pantai barat dan timur Sabah seperti Kudat, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Etnik yang menggunakan kata ini termasuklah masyarakat Bajau dan Suluk. Oleh yang demikian, penulis berpendapat bahawa Bowrey (1701) mendengar kata ini daripada komunikasi dengan penutur dari kawasan tersebut. Bowrey (1701) turut mencatatkan kata *Ayo* dengan makna “*you*” merujuk kepada KGN kedua. Kata ini juga tidak mempunyai kata setara dalam BMM. Wilkinson (1926, 1932) mencatatkan kata *ayo* dengan makna “*an interjection of greeting*” yang berasal daripada bahasa Jawa, Data dalam *Malay Concordance Project* juga menunjukkan bahawa kata *ayo* ini digunakan sebagai kata seruan dan kata sapaan yang digunakan dalam beberapa naskah seperti Hikayat Hang Tuah, Syair Sinyor Kosta, Hikayat Panji Kuda Semirang, Hikayat Pelanduk Jenaka dan beberapa naskah lain lagi.

Data KTB juga tidak menunjukkan kata “*mereka*” (*they*) dirakam oleh Bowrey (1701). Bowrey (1701) sebaliknya mencatatkan kata *Deōran* (*They, Them*). Walau bagaimanapun, ketiadaan kata ini tidak bermaksud KGN diri ketiga ini tidak wujud pada ketika itu. Hal ini mempunyai persamaan dengan penelitian Omar (1991) yang menyebut bahawa kata jamak “*mereka*” dikesan dalam teks ini tetapi diikuti oleh KGN petunjuk “*itu*”. Justeru, ketiadaan kata “*mereka*” dalam KTB berkemungkinan disebabkan oleh tabii data yang dikumpul oleh Bowrey (1701). Data yang terkandung dalam kamus Bowrey (1701) merupakan data bahasa lisan dan kata *Deōran* merupakan bentuk yang sering digunakan dalam lisan. Situasi ini dapat diperhatikan dalam suasana sosiolinguistik moden apabila jarang sekali kata “*mereka*” digunakan dalam komunikasi lisan dan dialek.

Istilah Kekerabatan, Kekeluargaan dan Kata Sapaan

Bowrey (1701) merakamkan kata *Māma* yang bermaksud “*Aunt*”. Dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), kata “*mamak*” bermaksud 1. Mn saudara ibu yang laki-laki, bapa saudara, 2. sl sebutan oleh raja kpd pembesar-pembesar negeri (menteri dll), 3. ark mak kecil, mak tua, 4. Bp panggilan kpd lelaki India yg beragama Islam (terutamanya yg terlibat dgn perniagaan makanan dsb). Kata ini mempunyai persamaan dari segi makna dengan kata yang digunakan dalam BMM dan juga dalam naskah-naskah abad yang sama dengan KTB. Misalnya, Raja Ariffin (2001) menjelaskan bahawa KGN “*mama*” muncul sebagai KGN kedua dalam Warkah Melayu Terpilih 1521. Begitu juga Omar (1988) turut menjelaskan bahawa kata “*mamak*” merupakan rujukan yang digunakan raja yang merujuk kepada Bendahara. Istilah “*mamak*” atau “*maneh*” digunakan raja untuk merujuk kepada Bendahara. Menurut Omar (1988) lagi, kata “*mameh*” merupakan kata asli Melayu yang masih digunakan di

Sumatera yang bermaksud “paman” atau “bapa saudara”. Hanya kata *Māma* yang merujuk kepada maksud ibu saudara dikesan dalam kamus Bowrey (1701). Omar (1993, dalam Ibrahim & Mohd Ghani, 2016) menjelaskan mengenai bentuk sapaan pertalian dalam bahasa Melayu yang menggambarkan panggilan seseorang mengikut urutan kelahiran misalnya *long*, *ngah* dan *busu/usu*. Berbeza dengan istilah kekeluargaan yang dirakam Bowrey (1701) dalam kamusnya, selain kata *Māma* yang merujuk kepada ibu saudara, kata *Māmooda* turut dicatatkan Bowrey (1701) yang bermaksud “Aunt”. Selain kata *Māma*, kata *Owā* juga dirakam Bowrey dengan makna “great-aunt”. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan bentuk sapaan kekeluargaan yang dicatat Bowrey berbanding istilah yang terdapat dalam BMM.

Jadual 1

Perbandingan Bentuk Sapaan Kekeluargaan dalam KTB dan BMM

Kamus Bowrey	Makna	Bahasa Melayu Moden	Makna
<i>Māma</i>	<i>Aunt</i>	Mamak	1. Mn saudara ibu yg laki-laki, bapa saudara
<i>Māmooda</i>	<i>Aunt</i>	mak muda (da, uda)	adik perempuan ibu atau bapa
<i>Māmooda tooah</i>	<i>Great Aunt</i>	mak tua	saudara perempuan yg sulung kpd ibu atau kpd bapa
<i>Pāmooda</i>	<i>Uncle</i>	pak muda (uda)	saudara yg muda.
<i>Pāmooda tooah</i>	<i>Great Uncle</i>	pak tua	saudara laki-laki ibu atau bapa kita yg tua sekali.
<i>Owā</i>	<i>great-Aunt</i>	wa	pak (mak) ~ (a) pak (mak) tua (panggil-an kpd ibu atau bapa saudara yg tertua); b) bp kekasih (lelaki atau perempuan);

Dalam Jadual 1, dapat diperhatikan beberapa kata panggilan yang dicatatkan Bowrey (1701) mempunyai persamaan dengan bentuk panggilan dalam beberapa dialek seperti Kelantan dan Pahang, iaitu bagi kata *Māmooda* dan *Pāmooda*. Ibrahim & Mohd Ghani (2016) menjelaskan bahawa dalam dialek Kelantan dan Pahang, kebanyakan kata panggilan adik-beradik adalah *abang de* atau *kak de*, iaitu merujuk kepada anak nombor tiga. Istilah mak muda ini juga turut dicatatkan Wilkinson (1926) dalam kamusnya yang merujuk kepada makna “*youngest aunt*”. Bentuk yang sama digunakan bagi merujuk kepada bapa atau ibu saudara yang tua, iaitu *Māmooda tooah* dan *Pāmooda tooah*. Istilah ini dari segi makna mempunyai persamaan dengan kata *Owā* atau *wa* dalam BMM. Kata *Owā* juga dicatatkan Bowrey (1701) dalam kamusnya dan kata ini mempunyai kata setara dalam BMM, iaitu *wa* atau *wak* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Namun begitu, jika diperhatikan, istilah yang dicatat Bowrey (1701) dalam kamusnya ini mempunyai pengulangan istilah (*term redundancy*) apabila kata muda dan tua digunakan secara bersama. Penulis berpendapat bahawa pengulangan ini berlaku disebabkan oleh kekeliruan Bowrey (1701) ketika menulis kembali istilah ini dalam catatannya, dan penulis juga berpendapat bahawa bentuk yang dituturkan oleh penutur pada ketika itu adalah sama dengan istilah yang digunakan sekarang, iaitu pak uda, pak da, mak uda dan mak da.

Selain itu, terdapat istilah bagi panggilan dalam kekeluargaan yang menarik dirakam oleh Bowrey (1701), iaitu istilah bagi anak saudara lelaki. Bowrey (1701) merakamkan kata *Cōmon* dan *Sōpāyang* yang merujuk kepada anak saudara lelaki kepada kakak atau *Son of a sister, Nephew*.

Jadual 2

Contoh Anak Saudara Lelaki dalam KTB

Kata	Makna
<i>Cōmon</i>	<i>Son of a fifter, Nephew.</i>
<i>Sōpāyang</i>	<i>Son of a fifter, Nephew.</i>

Dalam bahasa Melayu moden, istilah bagi anak saudara sama ada lelaki ataupun perempuan ialah “kemanakan” yang bermaksud; 1. anak kpd abang (kakak) atau adik, anak saudara; 2. Mn anak saudara pe-rempuan; 3. ark sanak saudara (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007). Jadual di bawah memaparkan perbandingan istilah “anak saudara” yang terdapat dalam kamus moden bagi mewakili bahasa Melayu kini.

Jadual 3

Perbandingan Istilah “Anak Saudara” dalam BMM

Kata	Makna	Sumber
------	-------	--------

<i>kemanakan</i>	1. anak kpd abang (kakak) atau adik, anak saudara; 2. Mn anak saudara pe-rempuan; 3. ark sanak saudara	Dewan Bahasa dan Pustaka (2007)
<i>kemenakan</i>	anak saudara (adik atau kakak);	Kamus Besar Bahasa Indonesia (2021)
<i>kěmanakan</i>	1 <i>Relative; kin; family, esp. uterine heirs under Minangkabau law;</i>	Wilkinson (1932) SEALANG PROJECTS, (2021)

Walau bagaimanapun, sehingga analisis ini selesai, penulis tidak menemukan sebarang penjelasan mengenai dua istilah anak saudara lelaki yang dicatatkan Bowrey (1701) dalam kamusnya. Penulis berpendapat bahawa istilah *common* dan *sopayang* ini merupakan gelaran manja atau nama timang-timangan yang tidak tercatat dalam penulisan karya ketika itu. Tabii data Bowrey (1701) yang merakam bahasa lisan ketika itu menjadi landasan utama kepada pendapat ini.

Kesimpulan

Perbincangan mengenai aspek KGN diri dan istilah kekeluargaan dalam KTB memberikan maklumat kepada kita bahawa bahasa Melayu abad ke-16 yang terdapat dalam KTB mempunyai persamaan dengan BMM. Misalnya penggunaan KGN diri pertama *Āko* “I” dan *Saya* “I”. Meskipun kata mereka “*they*” tidak dirakam oleh Bowrey (1701) dalam kamus ini, situasi ini tidak bermaksud bahawa kata tersebut tidak digunakan pada abad ke-16 (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 2021). Kata ini berkemungkinan besar tergelincir daripada ingatan Bowrey (1701) memandangkan kamus ini disusun Bowrey (1701) dalam perjalanan pulang yang panjang ke London. Bagi kata yang tidak dapat dijelaskan secara inguistik, iaitu kata *Cōmon* dan *Sōpāyang*, meskipun kedua-dua istilah ini dicatat Bowrey (1701) dalam kamusnya dan tidak mempunyai kata setara sama ada dalam BMM mahupun dalam naskah-naskah sezaman dengannya. Justeru, untuk membuat hipotesis bahawa kedua kata ini adalah suatu yang telah arkaik atau sebaliknya memerlukan penelitian yang lebih lanjut. Namun, satu kesimpulan awal dapat dibuat, iaitu berkemungkinan Bowrey (1701) telah mencampuradukkan istilah lain yang didengar dengan kata panggilan yang diingatinya. Walaupun terdapat kata yang tidak dapat dijelaskan secara linguistik, namun ada juga kata yang berasal daripada bahasa lain seperti bahasa Jawa, usaha Bowrey (1701) menyusun kamus dwibahasa ini harus diberikan pujian. Banyak maklumat mengenai suasana kehidupan masyarakat yang ditemui pada zaman itu dapat dikesan dalam kamus ini. Kewujudan kata daripada bahasa asing ini juga menjadi kayu ukur bahawa bahasa Melayu itu sejak abad ke-16 lagi sudah bersifat mendunia sesuai dengan statusnya sebagai *lingua franca* ketika itu. Oleh yang demikian, keperluan kepada satu penelitian lanjut terhadap data kamus Bowrey (1701) pada masa akan datang, terutama pada aspek sosiobudaya ini adalah sangat penting bagi memastikan lembaran maklumat mengenai bahasa, budaya dan

masyarakat Melayu pada abad ke-16 ini dapat difahami, ditekuni dan dimanfaatkan oleh masyarakat Melayu moden sendiri pada hari ini dan masa hadapan.

Rujukan

- Aman, R. (1997). Bahasa Melayu abad ke-17: Satu sorotan terhadap kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, 14(10), 882-889.
- Aman, R. (1998). Orang Melayu abad ke-17: Kajian lanjutan kosa kata arkaik, morfologi dan perubahan makna kamus Bowrey. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(1), 1022-1033.
- Bowrey, T. (1701). *A dictionary English and Malayo, Malayo and English*. Sam Bridge.
- Collins, J. T., & Schmidt, H. (1992). Bahasa Melayu di Pulau Ternate. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36, 293-327.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasrah, M. T. (2010). Sistem bilangan ahasa Melayu pada abad ke-17: Tinjauan terhadap kamus Thomas Bowrey 1701. *Menemui Matematik*, 31(1), 45-55.
- Houtman, F. (1603). *Spraecck ende word-boeck, inde Malaysche ende Madagaskarsche Talen met vele Arabische ende Tursche woorden: Inhoudende twaalf tsamensprekinghen inde maleysche ende drie inde Madagaskarsche spraken met alderhande woorden ende namen ghestelt naer ordre vanden A.B.c. alles in Nederduytsch verduyts*. Jan evertsz. *Cloppenburch Boeckvercooper op't Water inden groten Bijbel*.
- Ibrahim, K., & Mohd Ghani, S. (2009). Kata panggilan kekeluargaan oleh mahasiswa pantai timur Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu kajian sosiolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 1-9.
- Kader, M. (2009). Some aspects of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's bilingual dictionary published in 1701. *Jurnal Kemanusiaan*, 16, 83-114.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*. (2021, July 10). Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) Kamus versi online/daring (dalam jaringan). <https://kbbi.web.id>
- Karim, N. S. (1986). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S. (1993). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S. (2008). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad, N., & Ismail, N. H. (2017). Malay science: A study on the 17th century dictionary. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1061-1071.
- Omar, A. (1988). *Susur galur ahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (1991). *Bahasa Melayu abad ke-16: Satu analisis berdasarkan teks Melayu 'Aqaid Al Nasafi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, N. A. (2019). Analisis entri "A" kamus Thomas Bowrey 1701. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 259-284.
- Paul, S. (2020). *Jeopardy of every wind*. Dollarbird.

- Pigafetta, A. (1525). Journal of Magellan's Voyage
<https://www.loc.gov/item/2021667606>
- Raja Ariffin, R. M. (2001). Bahasa Melayu dalam warkah terpilih. *Jurnal Bahasa*, 1(2), 213-284.
- Saussure, F. d. (1974). *Course in general linguistics*. (P. Meisel & H. Saussy, Eds.). Fontana Collins.
- SEALANG PROJECTS. (2021, July 10). SEALang Library Malay. <http://sealang.net>
- Stevens, A. M., & Schmidgall-Tellings, A. E. (2010). *A comprehensive Indonesian English dictionary*. Ohio University Press.
- Wilkinson, R. (1926). *An abridged Malay-English dictionary (Romanised)*. Kelly & Walsh.
- Wilkinson, R. (1932). *A Malay-English dictionary (Romanised)*. Salavopoulos and Kinderlis.
- Wiltens, C., & Danckaerts, S. (1623). *Vocabularium, ofte Vvoort-boeck, naer ordre vanden Alphabet in 't Duytsch-Maleysch, ende Maleysch- Duystch*. In 'sGraven-Haghe : by de weduwe, ende erfghenamen van wijlen Hillebrant Jacobssz van Wouw.
- Winterbottom, A. (2016). Linguistics landscapes: Early English studies of Malay and the EIC in maritime southeast Asia. In A. Winterbottom (Ed.), *Hybrid knowledge in the early India company world* (pp. 54-81). Palgrave Macmillan.